

18/03/1997

Kerajaan segerakan projek Cyberjaya

SEPANG, Isnin - Kerajaan akan menyegerakan kerja pembangunan di bandar teknologi maklumat, Cyberjaya, yang berkeluasan 750 hektar di sini, supaya projek berkenaan siap mengikut jadual, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sijil Menduduki Segera (Certificate of Urgency) bagi kawasan terbabit akan dikeluarkan kepada syarikat pemaju, Cyberview Holdings, yang dijangka membuat permohonan untuk memajukan kawasan terbabit, bulan depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelaksanaan pembangunan segera di kawasan Cyberjaya, yang membentuk sebahagian daripada Koridor Raya Multimedia (MSC) itu perlu supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat melakukan upacara pecah tanah, pertengahan Mei ini.

"Selain itu, kerajaan juga memberi tumpuan terhadap kerja pengambilan tanah seluas 2,800 hektar yang membabitkan tanah kerajaan dan swasta untuk membangunkan keseluruhan kawasan MSC itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan Cyberjaya di Kompleks Kerajaan Daerah Sepang di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Halim Ali; dan Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sebagai langkah pengawasan, pihaknya juga akan meneliti perkembangan projek Cyberjaya setiap dua minggu, manakala Menteri Besar Selangor akan melakukan penelitian di peringkat negeri, dan Ketua Setiausaha Negara di peringkat Persekutuan.

Setakat ini, beliau berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur, termasuk lebuhraya, telekomunikasi, bekalan elektrik dan air yang pelaksanaannya mengikut jadual untuk keperluan Cyberjaya.

Mesyuarat jawatankuasa itu hari ini turut bersetuju mempertingkatkan beberapa kemudahan di samping membenarkan pegawai khas Majlis Daerah Sepang menyelaras dan membantu pelaksanaan Cyberjaya.

Selain itu, beberapa pengubahsuaian, seperti jajaran lebuhraya dan juga kemudahan infrastruktur lain akan dilakukan dengan mengambil kira pelan struktur yang diluluskan oleh Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pelaksanaan Cyberjaya sebelum ini.

Beliau juga turut berpuas hati dengan sambutan syarikat asing, terutama NTT dari Jepun terhadap kewujudan MSC. Beberapa syarikat lain pula hanya menunggu kelulusan tapak tanah sebelum memulakan kerja di kawasan itu.

Menurut Anwar, kos untuk membangunkan kawasan Cyberjaya akan ditanggung oleh Cyberview Holdings, syarikat yang akan membantu melaksanakan pembangunan di kawasan terbabit bagi pihak MDC.

Beliau berkata, kawasan itu akan dibangunkan berdasarkan pelan struktur sedia ada, yang dijangka siap secara berperingkat pada 1998, 1999 dan 2000.

"Bagaimanapun, beberapa projek infrastruktur asas dan projek pembangunan awal dijangka siap pada 1998," katanya.

Syarikat yang berminat sudah meminta kerajaan menentukan tempat bagi mereka dan menurut Anwar ia tidak memerlukan kawasan luas berikutan penggunaan teknologi canggih.

Kawasan Cyberjaya, apabila siap nanti akan menampung kegiatan syarikat teknologi maklumat tempatan yang antara lain membabitkan Telekom Malaysia, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Golden Hope.

(END)